

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002**

**SEPTEMBER 2001**

**RMT 552 – EKONOMI & PENGURUSAN KEWANGAN**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Huraikan bagaimana kelewatan dalam pelaksanaan kerja pembinaan melemahkan pertumbuhan firma binaan dan juga kadar pembangunan negara. Bincangkan dan beri cadangan bagaimana kelewatan tersebut mungkin dikurangkan?

(25 markah)

2. Permintaan dan penawaran bangunan perindustrian dan komersil bergantung kepada keputusan usahawan untuk melabur. Bagaimanakah permintaan untuk bangunan jenis ini boleh diunjurkan?

(25 markah)

3. Huraikan secara ringkas objektif-objektif kerajaan dalam mentadbir ekonomi negara. Bincangkan bagaimanakah pelaksanaan polisi-polisi kerajaan untuk mencapai objektif-objektif berkenaan akan memberi kesan kepada pertumbuhan industri binaan?

(25 markah)

4. Ekonomi perumahan boleh dianalisis melalui permintaan dan penawaran perumahan. Bincangkan faktor-faktor signifikan yang mempengaruhi penawaran dan permintaan berkenaan?

(25 markah)

...2/-

5. Prestasi projek pembinaan selalunya diukur melalui parameter masa, kos dan kualiti. Prestasi industri binaan pula boleh di analisis melalui sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, kadar pertumbuhannya, saiz gunatena dan pembentukan modal tetap.

Bincangkan kepentingan dan peranan industri pembinaan dalam pembangunan ekonomi negara melalui analisis masa, kos dan kualiti.

(25 markah)

6. Bincangkan kaedah-kaedah umum pengurusan kewangan dalam konteks pelaksanaan projek pembinaan. Huraikan secara terperinci aspek-aspek utama yang perlu ditekankan pada setiap peringkat pelaksanaan untuk memastikan pulangan yang maksimum kepada firma dapat diperolehi.

(25 markah)

-ooo00ooo-